

Kod E / E Number

KOD	NAMA	FUNGSI
E 470	Sodium, Potassium And Calcium Salts Of Fatty Acids(Emulsifier)	Anti – Caking Agent
E 471	Mono-And Diglycerides Of Fatty Acids (Glycerol Monostearate, Glycerol Distearate)	Emulsifier
E 472	Acetic Acid Esters Of Mono- And Diglycerides Of Fatty Acids	Emulsifier
E 472	Lactic Acid Esters Of Mono- And Diglycerides Of Fatty Acids	Emulsifier
E 473	Sucrose Esters Of Fatty Acids	Emulsifier
E 474	Sucroglycerides	Emulsifier
E 475	Polyglycerol Esters Of Fatty Acids	Emulsifier
E 476	Polyglycerol polyricinoleate	Emulsifier
E 477	Propane-1,2-diol Esters Of Fatty Acids, Propylene Glycol Esters Of Fatty Acids	Emulsifier
E 478	Lactylated Fatty Acid Esters Of Glycerol And Propane-1	Emulsifier
E481	Lactylated Fatty Acid Esters Of Glycerol And Propane-1	Emulsifier
E482	Calcium Stearoyl-2-lactylate	Emulsifier
E483	Stearyl Palmityl Tartrate	Emulsifier
E491	Sorbitan Monostearate	Emulsifier
E492	Sorbitan Tristearate	Emulsifier
E493	Sorbitan Monolaurate	Emulsifier
E494	Sorbitan Monooleate	Emulsifier
E495	Sorbitan Monopalmitate	Emulsifier
E441	Gelatine	Gelling Agent
E542	Bone Phosphate (Essentiale Calcium Phosphate, Tribasic)	Anti-caking Agent

Pilih Produk Sebelum Beli

Pengguna Islam perlu bijak memilih produk-produk seperti berikut:

- Pastikan produk mendapat Pengesahan Halal Malaysia daripada JAIN / JAKIM dengan memastikan terdapat logo Halal Malaysia pada label pembungkusan produk.
- Pastikan produk dari Badan- badan Islam Luar Negara perlu mendapat pengiktirafan halal daripada JAKIM. (Sila semak senarai badan- badan tersebut di laman web - Portal Halal Malaysia), dengan memastikan terdapat logo halal yang diiktiraf pada label pembungkusan produk.
- Baca & semak bahan-bahan dan kod-kod yang digunakan pada label produk dengan teliti, Jika terdapat kemusykilan sila rujuk kepada JAIN / JAKIM.
- Produk-produk yang mendapat Pengesahan Halal Malaysia daripada JAIN / JAKIM perlu diyakini kerana setiap bahan ramuan, cara pemprosesan hinggalah ke penghantaran produk akan diperiksa statusnya terlebih dahulu sebelum sesuatu produk diberi Pengesahan Halal.
- Pihak Industri Makanan dan barang gunaan perlu bertanggungjawab untuk memastikan status sumber aditif makanan yang digunakan supaya tidak akan menimbulkan keraguan kepada pengguna Islam.

Tajaan Oleh :



MUNCHY FOOD INDUSTRIES SDN. BHD.
Lot 9366, Batu 7, Simpang 3, Tongkang Pecah,
83010 Batu Pahat, Johor.

TEL: 07-4153322
FAKS: 07-4152390
EMAIL: munchy@munchys.com



E100 – E199

E200 – E299



KOD E DALAM ADITIF MAKANAN

E400 – E499



E900 – E999

E1000 – E1999

JABATAN AGAMA JOHOR UNIT PENGURUSAN HALAL, BAHAGIAN PENYELIDIKAN

Aras 1, Blok A, Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
Karung Berkunci 725, 80990 Johor Bahru, Johor.
TEL: 07-2282943 FAKS: 07-2276041
EMAIL: penyelidikanjaj@gmail.com
Laman web: <http://www.jaj.johordt.gov.my>

Pengenalan E Number

Nombor E ialah kod nombor untuk bahan tambah (aditif) dan ianya selalu digunakan pada label makanan di negara Kesatuan Eropah. Bahan aditif ialah bahan yang selamat dimakan yang ditambah secara sengaja ke dalam makanan dalam kuantiti yang sedikit bagi mempengaruhi kualiti penyimpanan, pemprosesan, penyediaan dan pembungkusan makanan.

Skim nombor ini mengikut sistem antarabangsa number (International Numbering System @INS) yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Codex Alimentarius. Codex Alimentarius ialah dari bahasa latin yang bermaksud "kod makanan" atau "buku makanan". Ia adalah koleksi pelbagai standard, kod praktis, panduan antarabangsa yang diiktiraf berkaitan dengan makanan bertujuan untuk menjaga kesihatan manusia dan memastikan kod perdagangan yang beretika dijalankan.

Bagi Kesatuan Eropah, Kod E itu adalah merujuk kepada aditif INS yang dibenar untuk digunakan. Nombor E juga digunakan pada label pemakanan di Australia, New Zealand, Amerika Utara, terutama Kanada dan Israel. Bagi setiap Permohonan Sijil Pengesahan Hala Malaysia, mereka perlu menyenaraikan semua bahan mentah untuk setiap produk yang dihasilkan dan pihak JAIN & JAKIM akan memastikan sumber bahan aditif (Kod E) tersebut.

Salah satu contoh ialah Kod E yang paling popular E471, Kod 471 ialah sejenis emulsifier yang merupakan asid lemak Mono dan Digliserida. Asid lemak sintetik ini dibuat daripada gliserol dan asid lemak semulajadi daripada sumber tumbuhan atau haiwan.

Masalah timbul apabila Kod E kritikal tersebut daripada sumber yang haram seperti babi, anjing dan haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak. Produk yang mendapat Pengesahan Halal Malaysia daripada JAIN / JAKIM tetapi terdapat Kod E471 atau kod-kod lain yang kritikal pada label pembungkusan produk, adalah telah dikenalpasti oleh auditor Halal JAKIM / JAIN bahawa bahan mentah tersebut daripada sumber tumbuhan atau haiwan yang disembelih mengikut syarak.

Pengkelasan Nombor E

Mengikut Jenis Bahan Aditif

E100 – E199	→	• Warna
E200 – E299	→	• Pengawet
E300 – E399	→	• Oksidan • Fosfat • Antioksidan • Pengawal Asid
E400 – E499	→	• Pemekat • Pelembap • Penstabil • Emulsifier
E500 – E599	→	• Garam • Regulator Asid • Agen Penghalang Kerak
E600 – E699	→	• Penambah Perisa
E900 – E999	→	• Pemanis, Gas, Bahan-Bahan Lain
E1000 – E1999	→	Bahan Kimia Tambahan

Petunjuk Kod E

HALAL

Status halal hanya diberikan kepada bahan-bahan (ingredients) yang diperolehi 100% bahan mentah yang halal tanpa menggunakan alkohol (arak). Ia adalah bahan berasal dari bahan tumbuhan dan kimia.

HARAM

Bahan yang diperolehi daripada sumber binatang atau menggunakan sumber arak. Semua binatang yang tidak disembelih mengikut Islam juga haram meskipun ia binatang yang halal dimakan kerana nama Allah tidak disebut semasa penyembelihan. Kesemua produk hasil daripada binatang yang tidak disembelih juga adalah haram, apatah lagi produk yang dihasilkan daripada babi dan anjing adalah haram.

SYUBAHAT/MASYBUH

Status syubahat diberikan kepada Kod E sekiranya sumbernya tidak diketahui sama ada dari tumbuhan atau binatang serta kekurangan maklumat tentang penggunaan bahan asas yang bersumberkan arak. Ada setengah negara tidak mensyaratkan bahan proses pembantu yang dimaksudkan bahan pengawet dan sebagainya.

